

BAB 3

MAF'U:L BIH DALAM BAHASA ARAB

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini akan membicarakan mengenai pengertian *maf'u:l bih*, pembahagiannya kepada *mudmar* (yang tersembunyi) dan *za:hir* (nyata/jelas), jenis-jenis dan bentuk-bentuk *maf'u:l bih*, istilah-istilah yang berkaitan dengannya serta peraturan-peraturan bagi setiap bahagian.

3.1 Pengertian Maf'u:l Bih

Menurut Mahmu:d Husayni al-Mugha:lasah, Muhammad Maw'id dan Iyya:d 'Abd al-Maji:d Ibra:hi:m بِهِ الْمَفْعُولُ adalah هُوَ الْأِسْمُ الْمَنْصُوبُ الَّذِي يَقَعُ عَلَيْهِ فِعْلُ الْفَاعِلِ ِ ِ ِ ِ adalah kata nama yang akusatif/mansu:b yang berlaku ke atasnya perbuatan daripada pelaku. Atau dengan kata lain objek yang menjadi sasaran kata kerja transitif. Contoh: كَتَبَ الطَّالِبُ (الدَّرْسَ) Terjemahannya: (Pelajar itu telah menulis mata pelajaran). Mata pelajaran (الدَّرْسَ) ialah *maf'u:l bih* yang telah berlaku ke atasnya perbuatan menulis yang telah dilakukan oleh pelaku (فَاعِلٍ).

3.2 Pembahagian Kata Kerja (Fi'l) Dalam Struktur Ayat

Sebelum diperbahaskan dengan lebih panjang tentang *maf'u:l bih*, bahagian serta pecahan yang berhubung kait dengan *maf'u:l bih*, perlu diketahui bahawa dalam membentuk struktur ayat BA, kata kerja yang membentuk struktur ayat terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

3.2.1 Kata Kerja Transitif (الفعل المُتَعَدِّي)

Mahmu:d Husayni al-Mugha:lasah telah mendefinisikan *Fi'l Muta'addiyy* (الفعل المُتَعَدِّي) sebagai kata kerja yang tidak mencukupi (untuk menyempurnakan makna sesuatu ayat) dengan hanya ada si pelaku (*fa:'il*) kepada perbuatan tersebut bahkan kata kerja (*fi'l*) tersebut memerlukan adanya *maf'u:l bih* sebagai objeknya atau sasarannya dalam ayat tersebut untuk menyempurnakan maknanya. Contohnya: *أَكَلَ الْوَلَدُ الطَّعَامَ* Terjemahannya: (budak lelaki telah makan itu makanan). Perkataan *الطَّعَامَ* yang memberi makna makanan adalah *maf'u:l bih* yang menjadi pelengkap atau penyempurna kepada ayat tersebut dan menjelaskan tentang apa yang telah dimakan oleh budak lelaki itu.

3.2.1.1 Cara Mengenal Pola Kata Kerja Transitif

Iyya:d 'Abdul Maji:d Ibra:hi:m mengatakan bahawa hanya terdapat beberapa tanda untuk mengenal sesuatu kata kerja (*fi'l*) itu berada dalam pola kata kerja transitif (*fi'l muta'addiyy*) antaranya ialah:

3.2.1.1.1 *Fi'l* yang dibina dalam pola (*wazan*) أَفْعَلْ

Contohnya: *أَخْرَجَ الْأُسْتَاذُ زَيْدًا* (Ustaz telah mengeluarkan Zaid)

- 3.2.1.1.2 *Fi'l* yang dibina dalam pola (*wazan*) فَعَّلَ
 Contohnya: فَطَّعَ الْجُبْنَ (Dia telah memotong-motong keju).
- 3.2.1.1.3 Ditambah huruf Alif *fa'il* (pelaku) kepada *fi'l la:zim* (kata kerja tak transitif) *thula:thiyy* (asal tiga huruf)
 Contohnya: مَاشَى kepada مَاشَى
 مَاشَيْتُهُ إِلَى الْبَيْتِ (Saya berjalan bersama ke rumah) kepada مَاشَيْتُهُ إِلَى الْبَيْتِ
 (Saya perjalankannya ke rumah)
- 3.2.1.1.4 Ditambah huruf Alif, Si:n dan Ta:' kepada kepada *fi'l la:zim* (kata kerja tak transitif) *thula:thiyy* (asal tiga huruf)
 Contohnya: اسْتَحْسَنَ - اسْتَفْبَحَ kepada اسْتَحْسَنَ - اسْتَفْبَحَ
 اسْتَحْسَنَ فِعْلُهُ (Elok perbuatannya) kepada اسْتَحْسَنْتُ فِعْلَهُ (Saya telah memandang elok perbuatannya) dan اسْتَفْبَحَ قَوْلُهُ (Buruk kata-katanya) kepada اسْتَفْبَحْتُ قَوْلَهُ (Saya telah memandang buruk kata-katanya).

Namun hanya sebilangan kecil sahaja kata kerja (*fi'l*) bagi perkataan BA yang terbentuk dalam pola (*wazan*) sedemikian yang membolehkan seseorang dapat mengenali kata kerja (*fi'l*) tersebut ialah kata kerja transitif (*fi'l muta'addiyy*). Seterusnya dapat memastikan kewujudan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat.

Oleh sebab itulah masih berlaku kekeliruan bagi seseorang responden untuk memastikan sesuatu kata kerja (*fi'l*) itu sama ada ia kata kerja transitif (*fi'l muta'addiyy*) atau kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*).

3.2.2 Kata Kerja Tak Transitif (الفعل اللازم)

Muhammad ‘Aliyy ‘Aflash pula telah mendefinisikan Kata Kerja Tak Tntransitif (الفعل اللازم) sebagai kata kerja yang mencukupi (untuk menyempurnakan sesuatu ayat) dengan hanya ada pelaku (*fa’il*) kepada perbuatan tersebut dan tidak memerlukan adanya dalam ayat itu *maf’u:l bih* sebagai objeknya atau sasarannya. Contohnya: قَامَ الْوَلَدُ (budak lelaki itu telah berdiri). Dalam ayat tersebut tidak terdapat *maf’u:l bih*.

3.3 Pembahagian Maf’u:l Bih

Maf’u:l bih terbahagi kepada;

3.3.1 Maf’u:l bih Zahir (nyata/jelas)

Maf’u:l bih Za:hir iaitu perkataan yang menjadi *maf’u:l bih* dapat dilihat, dikesan atau diketahui dengan nyata dan jelas. Contoh: أَنْشَدْتُ قَصِيدَةً. Perkataan قَصِيدَةً sebagai *maf’u:l bih* dan dapat dilihat dengan jelas dalam struktur ayat tersebut.

3.3.2 Maf’u:l bih Mudmar (ganti nama).

Maf’u:l bih Mudmar terbahagi kepada dua bahagian:

3.3.2.1 Muttasil (Bersambung)

Maf’u:l bih Mudmar Muttasil ada dua belas Iaitu :

ضَرَبْتَنِي، ضَرَبْنَا، ضَرَبْتَ، ضَرَبْنَا، ضَرَبْتَكِ، ضَرَبْنَا، ضَرَبْتِكُمْ، ضَرَبْنَا، ضَرَبْتَهُ، ضَرَبْنَا، ضَرَبْتَهُمَا، ضَرَبْنَا، ضَرَبْتَهُنَّ.

3.3.2.2 Munfasil (Terpisah)

Maf'u:l bih Mudmar Munfasil ada dua belas iaitu:

إِيَّايَ، إِيَّانَا، إِيَّاكَ، إِيَّاكَ، إِيَّاكُمَا، إِيَّاكُم، إِيَّاكُنَّ، إِيَّاهُ، إِيَّاهَا، إِيَّاهُمَا، إِيَّاهُمْ، إِيَّاهُنَّ.

3.4 Jenis-Jenis Maf'u:l Bih

3.4.1. *Maf'u:l bih* dalam bentuk kata nama yang boleh berubah (*isim mu'rab*)

Contoh:

1. يَقْرَأُ مُحَمَّدٌ الْكِتَابَ (Muhammad membaca sebuah buku itu)
2. اِشْتَرَى مُحَمَّدٌ الْكِتَابَيْنِ (Muhammad telah membeli dua buah buku tersebut)
3. رَتَّبَ مُحَمَّدٌ الْكُتُبَ (Muhammad telah menyusun buku-buku itu)

Perkataan الكتاب yang menjadi *maf'u:l bih* boleh berubah mengikut struktur dalam ayat. Ia berlaku ketika mana perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* itu kata nama yang nyata/jelas (*isim za:hir*).

3.4.2. *Maf'u:l bih* dalam bentuk *isim mabniyy* (kata nama yang tidak berubah)

Contoh:

1. رَأَيْتُكَ (Aku telah melihat kamu)
2. نَصَحَ الْأُسْتَاذُ هَذَا الطَّلِبَ (Ustaz telah menasihati murid ini)
3. شَاهَدْنَا ذَلِكَ اللَّعِبَ (Kami telah menyaksikan permainan itu)

Perkataan kata ganti diri huruf كَ yang menjadi *maf' u:l bih* dalam ayat رَأَيْتُكَ dan هَذَا dalam ayat نَصَحَ الْأُسْتَاذُ هَذَا الطَّالِبَ dan ذَلِكَ dalam ayat شَاهَدْنَا ذَلِكَ اللَّعِبَ di atas adalah *maf' u:l bih* yang tidak boleh berubah.

Ia berlaku ketika mana perkataan yang menjadi *maf' u:l bih* itu kata ganti nama (*isim dami:r*) atau kata nama tunjuk (*isim isha:rat*).

3.5 Kedudukan Maf' u:l Bih Dalam Struktur Ayat

Menurut Mahmu:d Husayni al-Mugha:lasah, kebiasaannya *maf' u:l bih* (objek) terletak selepas kata kerja (*fi'l*) dan pelaku (*fa:'il*) dalam sesuatu struktur ayat namun *maf' u:l bih* boleh terletak dalam sesuatu jumlah ayat pada beberapa tempat seperti berikut;

3.5.1 *Maf' u:l bih* berada di akhir

3.5.1.1 فِعْلٌ - فَاعِلٌ - مَفْعُولٌ بِهِ

Contoh: رَفَسَ مُحَمَّدٌ الْكُرَةَ (Muhammad telah menendang bola)

3.5.1.2 مُبْتَدَأٌ - فِعْلٌ - فَاعِلٌ - مَفْعُولٌ بِهِ

Contoh: الطِّفْلُ شَرِبَ اللَّبْنَ (Anak kecil itu telah minum susu)

Perkataan الْكُرَةَ bagi contoh yang pertama dan perkataan اللَّبْنَ dalam contoh yang kedua adalah merupakan *maf' u:l bih* dan ia berada di akhir struktur ayat.

3.5.2 *Maf'u:l bih* berada di tengah

فِعْلٌ - مَفْعُولٌ بِهِ - فَاعِلٌ

Contoh: أَكَلَ الرَّبِّزُ الْوَلَدُ (Budak kecil itu telah makan nasi)

Perkataan الرَّبِّزُ bagi contoh struktur ayat tersebut adalah merupakan *maf'u:l bih* dan ia berada di tengah struktur ayat

3.5.3 *Maf'u:l bih* berada di awal/permulaan

مَفْعُولٌ بِهِ - فِعْلٌ - فَاعِلٌ

Contoh: الطَّعَامَ طَبَّخَتْ الخَادِمَةُ (Makanan itu telah dimasak oleh orang gaji)

Perkataan الطَّعَامَ bagi contoh struktur ayat tersebut adalah merupakan *maf'u:l bih* dan ia berada di awal/permulaan struktur ayat.

3.5.4 فِعْلٌ + فَاعِلٌ (ضَمِيرٌ) - مَفْعُولٌ بِهِ (بَارِزٌ)

Contoh: سَأَلْتُ الأُسْتَاذَ (Saya telah bertanya ustaz)

Perkataan الأُسْتَاذَ bagi contoh struktur ayat tersebut adalah merupakan *maf'u:l bih* dan ia berada di akhir struktur ayat. Dalam contoh ini penulis hanya ingin menunjukkan keadaan kata kerja (*fi'l*) dan pelaku (*fa:'il*) bercantum dalam satu perkataan dan tidak terpisah seperti sebelumnya. Hanya *maf'u:l bih* yang bersendirian terpisah daripada keduanya.

3.5.5 فَعْلٌ + فَاعِلٌ (ضَمِيرٌ) + مَفْعُولٌ بِهِ (ضَمِيرٌ)

Contoh: ضَرَبْتُكَ (Saya telah memukul kamu)

Huruf كٌ ganti nama (*dami:r*) bagi contoh stuktur ayat tersebut adalah merupakan *maf'u:l bih* dan ia berada di akhir struktur ayat. Dalam contoh ini penulis hanya ingin menunjukkan keadaan kata kerja (*fi'l*), pelaku (*fa:'il*) dan *maf'u:l bih* bercantum dalam satu perkataan dan tidak terpisah antara satu sama lain.

3.5.6 فَعْلٌ + مَفْعُولٌ بِهِ (ضَمِيرٌ) - فَاعِلٌ

Contoh: سَأَلَنِي أُسْتَاذٌ (Saya telah ditanya oleh seorang ustaz)

Huruf يٌ ganti nama (*dami:r*) bagi contoh stuktur ayat tersebut adalah merupakan *maf'u:l bih* dan ia berada di tengah struktur ayat. Dalam contoh ini penulis hanya ingin menunjukkan keadaan kata kerja (*fi'l*) dan pelaku (*fa:'il*) terpisah. Manakala kata kerja (*fi'l*) dengan *maf'u:l bih* pula bercantum dalam satu perkataan dan tidak terpisah.

Tetapi kadang-kadang menurutnya *maf'u:l bih* wajib didahulukan daripada kata kerja (*fi'l*) dan pelaku (*fa:'il*) seperti dalam keadaan berikut;

1. Ketika *maf'u:l bih* Isim Shart

Contoh: مَنْ تَكْرِمَ أُكْرِمَ (Sesiapa yang awak muliakan, saya akan muliakan). مَنْ dalam ayat di atas adalah *maf'u:l bih* dan ia merupakan *Isim Shart*.

2. Ketika *maf'u:l bih* Isim Istifha:m

Contoh: أَيُّ كِتَابٍ قَرَأْتَ (Yangmana satukah kitab kamu telah baca?). أَيُّ dalam ayat di atas adalah *maf'u:l bih* dan ia merupakan *Isim Istifha:m*.

3. Ketika *maf'u:l bih* (كَمْ) bilangan.

Contoh: كَمْ كِتَابًا قَرَأْتَ (Berapa buah kitab kamu telah baca?). كَمْ dalam ayat di atas adalah *maf'u:l bih* dan ia merupakan pertanyaan bilangan.

4. Ketika *maf'u:l bih* berada selepas أَمَّا yang seperti Shart.

Contoh: وَأَمَّا الْعَدُوُّ فَاقْهَرْ (Adapun musuh maka hendaklah kamu herdik). الْعَدُوُّ dalam contoh di atas ialah *maf'u:l bih* dan ia seperti syarat iaitu jika ia musuh maka hendaklah kamu herdik.

5. Ketika *maf'u:l bih* (مَحْضُورًا) diberi pengkhususan.

Contoh: اللَّهُ أَعْبُدُ (Hanya Allah aku sembah) dan إِيَّاكَ نَعْبُدُ (Hanya kepada-Mu kami menyembah). اللَّهُ dan كَ adalah *maf'u:l bih* kerana diberi pengkhususan dalam struktur ayat tersebut.

Dan kadang-kadang menurutnya *maf'u:l bih* wajib didahulukan daripada pelaku (*fa:'il*) seperti dalam keadaan berikut;

1. Ketika kata kerja (*fi'l*) dikhususkan dengan penggunaan إِلَّا.

Contoh: مَا أَنَارَ الْعُقُولَ إِلَّا الْعِلْمُ Terjemahannya: (Tidaklah yang menyinari akal itu kecuali ilmu). Dalam ayat tersebut الْعُقُولَ adalah *maf'u:l bih* dan الْعِلْمُ adalah pelaku (*fa:'il*) dan ia dikemudiankan daripada *maf'u:l bih*.

2. Ketika *maf'u:l bih* dalam keadaan Kata Ganti Nama Bersambung (*Dami:r Muttasil*) dan *al-Fa:'il* dalam keadaan Kata Nama Nyata (*Isim Za:hir*).

Contoh: أَدَّبَنِي أَبِي تَأْدِيبًا حَسَنًا . Terjemahannya: (Ayah saya telah mendidik saya dengan didikan yang baik). Dalam ayat tersebut (الياء ضمير) pada perkataan أَدَّبَنِي ialah *maf'u:l bih* dan perkataan أَبِي adalah *fa:'il* dan ia dikemudiankan daripada *maf'u:l bih*.

3. Ketika *al-Fa:'il* bersambung dengan Kata Ganti Nama yang kembali kepada *Maf 'u:l bih*.

Contoh: سَاقَ السَّيَّارَةَ صَاحِبُهَا. Terjemahannya: (Pemilik kereta itu telah memandu keretanya). Dalam ayat tersebut السَّيَّارَةَ ialah *maf'u:l bih* dan صَاحِبُ pada perkataan صَاحِبُهَا adalah *fa:'il* dan ia dikemudiankan daripada *maf'u:l bih*. ها pada صَاحِبُهَا ialah *dami:r* yang kembali kepada *maf'u:l bih*

3.6 Bilangan *Maf'u:l Bih* Dalam Sesuatu Struktur Ayat.

Menurut Iyya:d 'Abdul Maji:d Ibra:h:im, dalam satu struktur ayat perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* boleh lebih daripada satu bergantung kepada kata kerja (*fi'l*) yang digunakan:

3.6.1 Satu *maf'u:l bih*.

Contoh: أَغْلَقْتُ الْعُرْفَةَ. Terjemahannya: (Saya telah mengunci bilik). Hanya perkataan الْعُرْفَةَ merupakan satu-satunya *Maf'u:l bih* dalam ayat tersebut.

3.6.2 Dua *maf'u:l bih*.

Contoh: *أَعْطَى الْمَدْرَسُ مُحَمَّدًا جَائِزَةً*. Terjemahannya: (Guru telah memberikan hadiah kepada Muhammad). Perkataan *مُحَمَّدًا* dan *جَائِزَةً* adalah *maf'u:l bih* dalam ayat tersebut. Maka terdapat dua *maf'u:l bih* dalam struktur ayat tersebut.

3.6.3 Tiga *maf'u:l bih*.

Contoh: *أَخْبَرْتُكَ الْعَدُوَّ جَبَانًا*. Terjemahannya: (Saya telah memberitahu kamu bahawa musuh itu bodoh). *Dami:r (ك)*, perkataan *الْعَدُوَّ* dan perkataan *جَبَانًا* adalah *maf'u:l bih* dalam ayat tersebut. Maka terdapat tiga *maf'u:l bih* dalam ayat tersebut.

3.7 Pengguguran Penyebutan *Maf'u:l Bih*

Menurut Muhammad Mau'id boleh ditiadakan atau dibuang *maf'u:l bih* dalam sesuatu jumlah ayat sekiranya ada tanda yang menunjukkan wujudnya dalam ayat tersebut.

Contohnya: *رَعَتِ الْمَاشِيَةَ عُشْبًا* seolah-olah ayat tersebut ialah *رَعَتِ الْمَاشِيَةَ* Terjemahannya (Haiwan itu telah meragut rumput). Iaitu wujudnya perkataan *عُشْبًا* yang menjadi *maf'u:l bih* yang tidak ditulis dalam ayat tersebut.

Tetapi ada kalanya dilarang daripada tidak disebut *maf'u:l bih* dalam sesuatu ayat sekiranya;

1. *Maf'u:l bih* itu (*مخصوصا*) dikhususkan dalam ayat.

Contohnya: *إِنَّمَا أَكْرَمْتُ عَلِيًّا*. Terjemahannya: (Sesungguhnya yang saya muliakan hanyalah Ali). Perkataan *عَلِيًّا* yang menjadi *maf'u:l bih* mesti ditulis dalam ayat tersebut kerana pujian hanya dikhususkan kepadanya.

2. Ketika menjawab soalan

Contohnya: Soalan مَنْ أَكْرَمْتُ Terjemahannya: (Siapa yang kamu muliakan) Jawabannya: أَكْرَمْتُ عَلِيًّا Terjemahannya: (Saya muliakan Ali). Perkataan عَلِيًّا mestilah ditulis dalam ayat kerana menjawab persoalan.

3.8 Perbandingan Maf'u:l Bih dengan Maf'u:la:t

Disebabkan kepelbagaian pola *maf'u:l bih*, kedudukannya serta kewujudannya dalam sesuatu ayat malah kesukaran untuk menentukan sama ada kata kerja (*fi'l*) itu kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*) atau kata kerja transitif (*fi'l muta'addiyy*) menyebabkan kesukaran seseorang pelajar untuk memahami, menguasai dan mengenalpasti dengan tepat perbahasan tentang *maf'u:l bih*.

Pelajar juga kadang-kadang dikelirukan untuk menentukan *maf'u:l bih* dengan betul didalam sesuatu struktur ayat apabila terdapatnya dalam struktur ayat itu penggunaan *maf'u:la:t* yang lain. Ini disebabkan tanda baris pada perkataan yang menjadi *maf'u:la:t* tersebut mengikut perbahasan ilmu nahu adalah termasuk dalam kelompok perkataan yang berbaris atas (*al-mansu:bat*) seperti *maf'u:l bih*. Antaranya ialah;

3.8.1 Maf'u:l Mutlak

Maf'u:l Mutlak ialah kata terbitan (*Masdar*) yang disebut selepas kata kerjanya bagi penegasan maksud sesuatu perbuatan, menerangkan bilangan dan jenis perbuatan yang berlaku.

Maf'u:l Mutlak berfungsi sebagai;

(a) Menguatkan (Tawki:d) kata kerja.

Contohnya: شَرَحْتُ الْمَوْضُوعَ شَرْحًا وَافِيًّا

Lafaz شَرْحًا yang bermaksud (dengan keterangan) adalah *masdar* yang menjadi *Maf'u:l Mutlak* yang berfungsi sebagai penegas atau penguat kata kerja iaitu شَرَحْتُ. Lafaz وَافِيًّا adalah sifat kepada *Maf'u:l Mutlak*. Maksudnya ayat ialah: (Saya menerangkan tajuk itu dengan keterangan yang lengkap).

(b) Menerangkan Jenis Kata Kerja.

Contohnya: كَلَّمْتُهُ كَلَامًا لَيِّنًا

Lafaz كَلَامًا adalah *masdar* yang menjadi *Maf'u:l Mutlak*. Manakala lafaz لَيِّنًا adalah sifat kepada *Maf'u:l Mutlak*. Gabungan daripada kedua-dua lafaz itu كَلَامًا لَيِّنًا berfungsi menerangkan bentuk kata kerja yang diungkapkan. Maksud ayat ialah: (Saya bercakap dengannya dengan percakapan yang lemah lembut).

(c) Menerangkan Bilangan Kata Kerja.

Contohnya: ضَرَبْتُهُ ضَرْبَتَيْنِ

Lafaz ضَرْبَتَيْنِ adalah *masdar* yang menjadi *Maf'u:l Mutlak* yang menerangkan bilangan perbuatan yang berlaku. Maksud ayat ialah: (Saya memukulnya sebanyak dua kali pukulan).

3.8.2 **Maf'u:l Li Ajlih** atau **Maf'u:l Lah.**

Ialah *masdar* yang menerangkan sebab berlakunya perbuatan.

Contohnya: اجْتَهَدْتُ رَغْبَةً فِي النَّجَاحِ

Maksud ayat: (Saya berusaha kerana ingin berjaya).

Perkataan *masdar* iaitu رَغْبَةً yang memberi maksud “kerana ingin” adalah *Maf‘u:l Li Ajlih* atau *Maf‘u:l Lah* yang menjelaskan tujuan kenapa saya berusaha bersungguh-sungguh iaitu kerana ingin berjaya.

3.8.3 Maf‘u:l Fi:h

Maf‘u:l Fih juga dikenali dengan nama *Zarf*. *Zarf* ialah kata nama yang menerangkan masa atau tempat berlakunya perbuatan yang mengandungi makna (*fi:*) yang bermaksud pada. Ia terbahagi kepada dua bahagian:

3.8.3.1 Zarf Zama:n

Ianya merujuk kepada masa berlakunya perbuatan.

Contohnya: تَطْلُعُ الشَّمْسُ صَبَاحَ كُلِّ يَوْمٍ

Perkataan صَبَاحَ yang bermaksud (pada waktu subuh) adalah *zarf zama:n* yang menerangkan masa terbitnya matahari ialah pada waktu subuh setiap hari.

3.8.3.2 Zarf Maka:n

Ianya merujuk kepada tempat berlakunya perbuatan.

Contohnya: قَرَأَ الطَّالِبُ تَحْتَ الشَّجَرَةِ

Perkataan تَحْتَ yang bermaksud (di bawah) adalah *zarf maka:n* yang menerangkan tempat berlakunya perbuatan membaca iaitu di bawah pokok.

3.8.4 Maf‘u:l Ma‘ah.

Kata nama *masdar* yang disebut selepas huruf wa:w (و) bagi menjelaskan berlakunya dua kejadian pada waktu yang sama.

Contoh: مَاتَ الْجَدُّ وَنُزُولَ الْمَطَرِ

Lafaz نَزُولٌ yang bermaksud (turun) adalah kata nama *masdar* yang disebut bagi menyatakan kejadian tersebut iaitu turunnya hujan turut berlaku pada masa terjadinya satu kejadian yang lain iaitu kematian datuk.

3.9 Penutup

Penulis merasakan bahawa apa yang telah dicatatkan dalam kajian ini sebahagian besarnya telah merangkumi perbincangan berkaitan *maf'u:l bih* secara menyeluruh. Dengan perbincangan yang diketengahkan sudah mampu untuk mengenal pasti dan mengetahui sebahagian besar tahap keupayaan dan penguasaan responden terhadap tajuk kajian.

Oleh sebab itu, antara cara untuk para responden mengenal pasti dengan lebih tepat berkaitan dengan *maf'u:l bih* dan menentukannya dalam sesuatu struktur ayat maka mereka hendaklah banyak mengetahui makna kata kerja (*fi'l*) tertentu agar mudah bagi mereka untuk menentukan samada sesuatu perkataan itu kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*) atau kata kerja transitif (*fi'l muta'addiyy*). Pada masa yang sama juga mereka dapat membezakan pola yang pelbagai yang melibatkan *maf'u:l bih* dalam sesuatu ayat.

Responden juga mestilah mengenal pasti dan mampu membezakan *maf'u:l bih* dengan *maf'u:la:t* yang lain. Pada masa yang sama juga responden mestilah berupaya mengingat pola yang pelbagai bagi sesuatu perkataan yang melibatkan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat.